

PKR: Dr M bohong, terus bohong
MalaysiaKini.com
Disember 20,2011
Aidila Razak

PKR hari ini menunjukkan rekod kerajaan yang menunjukkan bahawa Malaysia menerima dana daripada Bank Dunia pada 1999 untuk menangani krisis kewangan.

NONEMerujuk kepada apendiks Belanjawan 2010, Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli berkata, ia jelas menunjukkan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berbohong dan terus berbohong dengan menafikan perkara itu.

"Kalau pun Tun Mahathir meragui dokumen-dokumen rasmi dari Bank Dunia, beliau tidak boleh menafikan dokumen rasmi kewangan negara yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia dan diluluskan di Parlimen," katanya.

Berdasarkan belanjawan 2010 yang dibentangkan Datuk Seri Najib Razak pada 23 Oktober 2009, kerajaan menerima bantuan untuk sektor sosial daripada institusi global pada 1999.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/184599>